

20 MAR 2000

Mahathir-Haji

MAHATHIR DIFITNAH BERHUBUNG PENANGKAPAN RAKYAT MALAYSIA DI ARAB SAUDI

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno mengenai fitnah baru yang disebar di Kelantan kononnya beliau meminta kerajaan Arab Saudi menangkap rakyat Malaysia yang menggunakan Visa Umrah untuk menunaikan Haji.

"Sebenarnya mereka berada di sana tanpa Visa Haji dan ini memang bercanggah dengan undang-undang Arab Saudi," kata Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di sini, hari ini.

Katanya walaupun dahulu kerajaan Arab Saudi tidak mengambil tindakan, tetapi memandangkan bilangan yang menggunakan Visa Umrah bertambah tahun ini, kerajaan Arab Saudi terpaksa bertindak.

"Mengikut maklumat Konsul Besar kita di Jedah, keadaan orang kita yang ditahan menyedihkan. Mengetahui keadaan itu, kerajaan telah membuat keputusan untuk membawa balik (tahanan Malaysia) yang dalam jel ini," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan sedia membelanjakan wang untuk membawa mereka balik ke sini dan melepaskan mereka daripada tahanan di Arab Saudi.

"Kita buat ini (hantar pulang jemaah) sebab kita rasa bertanggungjawab terhadap rakyat kita kerana mereka menerima nasib buruk. Tetapi ada pihak di Kelantan dan di lain-lain tempat menuduh saya memberi arahan menangkap mereka.

"Inilah kalau manusia hidup menggunakan fitnah untuk mendapatkan sokongan. Mereka akan fitnah sepanjang masa," kata Dr Mahathir.

Presiden Umno itu berkata beliau tidak akan berbuat apa-apa mengenai fitnah itu.

"Saya tak nak buat apa-apa. Saya serahkan kepada Tuhan. Bila kita tolong orang...inilah balasannya," katanya.

Pada 11 Feb lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dipetik sebagai berkata bahawa kerajaan mengganggarkan kira-kira 3,000 rakyat Malaysia masih berada di Arab Saudi dan telah berada di sana melebihi tempoh visa umrah yang dibenarkan.

-- BERNAMA

NZ NAK